

UTHM bantu penuntut kurang mampu

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengambil inisiatif membantu penuntutnya yang kurang ber kemampuan dengan menyalurkan bantuan kepada yang layak.

Program Bantuan Makanan dan Sumbangan Wang Sara Hidup Pelajar yang ditubuhkan sejak 10 September tahun lalu, sekali gus memberi manfaat kepada 220 penuntut universiti berkenaan sepanjang mereka menuntut di universiti itu.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Alumni) UTHM, Profesor Madya Dr Asri Selamat berkata, program yang mendapat kerjasama Majlis Agama Islam Johor (Maij) Cawangan Batu Pahat

itu adalah sebagai dorongan kepada penuntut agar dapat meneruskan pembelajaran dengan baik tanpa memikirkan kekangan kewangan.

Menurutnya, setiap penuntut tidak seharusnya terganggu dengan masalah kewangan yang serius sekiranya mahu meneruskan kecemerlangan dalam bidang akademik dan kokurikulum.

"Bagi melaksanakan program ini, pihak Maij menyalurkan bantuan RM30,000 melalui bantuan wang zakat asnaf fisabililah dan fakir miskin," katanya.

Menurutnya, dana itu diberikan mengikut keutamaan, iaitu penuntut dari keluarga berpendapatan rendah di bawah RM1,000.



Mohd Noh (dua, kanan) menerima cek replika bernilai RM30,000 daripada Maij Cawangan Batu Pahat.